

RM61.5j perluas program reka cipta

Oleh HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 19 Okt. - Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM61.5 juta bagi memperluaskan program mereka cipta berasaskan teknologi Formula 1 (F1) dan robotik ke sekolah-sekolah mulai tahun depan.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM51.5 juta diperuntukkan bagi mengadakan pusat pembudayaan di 114 buah sekolah dan menaik taraf makmal reka cipta di semua sekolah.

Beliau berkata, sebanyak RM10 juta lagi akan diperuntukkan untuk membeli peralatan robotik bagi dibekalkan kepada 300 buah sekolah di seluruh negara.

"Lebih ramai pelajar sekolah di seluruh negara akan mendapat peluang untuk terlibat dalam pertandingan mereka cipta kereta F1 dan robotik berikutan perluasan program tersebut.

"Ini merupakan elemen-elemen baru yang sedang diperkenalkan dalam sistem pendidikan kebangsaan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Terdahulu, beliau merasmikan prapelancongan Pertandingan Cabaran

Teknologi F1 2006/2007 yang dianjurkan oleh Kementerian tersebut dan F1 Inschool Sdn. Bhd.

Hadir sama, Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Ahmad Sipon dan Pengerusi F1 Inschool, Datuk Abdul Halim Abdul Samad.

Menurut Hishammuddin, bagi membolehkan lebih ramai pelajar mendapat manfaat, pusat pembudayaan di sekolah-sekolah boleh dikongsi dengan 10 sehingga 15 buah sekolah berhampiran;

"Dengan itu akan membolehkan hampir 1,700 buah sekolah lain turut terlibat dengan pertandingan mereka cipta kereta F1," katanya

Beliau berkata, usaha tersebut adalah sebahagian daripada langkah Kementerian memantapkan mata pelajaran Reka Cipta dan Kemahiran Hidup Bersepadu dalam kurikulum kebangsaan.

Menurutnya, melalui perluasan program tersebut, Kementerian akan mengadakan lebih banyak peluang kepada pelajar, guru dan sekolah untuk terlibat dalam pertandingan mereka bentuk teknologi F1 dan robotik di peringkat antarabangsa.

"Ia juga merupakan langkah permulaan Kementerian untuk membangunkan kurikulum yang hampir dengan minat pelajar serta keperluan industri dan usaha merombak kaedah pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran dan penilaian pencapaian pelajar," katanya.

Hishammuddin berkata, dalam pertandingan mereka cipta kereta F1 di peringkat antarabangsa di Birmingham pada Januari lalu, pasukan negara berjaya merangkul anugerah 'Kereta Terpantas di Dunia' apabila menewaskan pasukan dari negara-negara maju termasuk Amerika Syarikat (AS), Australia dan United Kingdom.

"Begitu juga dengan pertandingan robotik di

peringkat antarabangsa, pasukan negara telah memenangi pingat emas dan perak di pertandingan World Robotik Olympiad 2005 di Bangkok," katanya.